**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**
**Sidang 1988/89**

**Mac/April 1989**

**HGK 471 Geografi Wilayah ASEAN**

**Masa: [3 jam]**

---

**Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.**

Jawab **EMPAT(4)** soalan. Setiap soalan akan membawa **25 markah.**

1. Telitikan alasan-alasan perlunya negara-negara ASEAN mencapai tahap pengeluaran makanan yang mencukupi. Bincangkan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN untuk mencapai tahap itu.

2. Bandingkan dan bezakan polisi-polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara ASEAN untuk menyelesaikan masalah-masalah penduduk yang dihadapi akibat daripada perubahan-perubahan di dalam saiz penduduk di negara-negara tersebut.

3. Dengan menggunakan teori-teori atau model-model tertentu, telitikan proses kemiskinan yang berlaku di kawasan luarbandar di beberapa negara ASEAN. Bincangkan **dua(2)** langkah utama yang anda fikir boleh diambil untuk meningkatkan taraf kehidupan di kawasan luarbandar di wilayah ASEAN.

4. Sejauh manakah pembangunan industri pelancungan di negara-negara ASEAN, walaupun ia berfaedah dari segi ekonomi, telah membawa impak-impak yang lebih serius dari segi sosial-budaya dan alam sekitar?

5. Huraikan proses-proses pembandaran di negara-negara ASEAN. Jelaskan implikasi-implikasi proses pembandaran tersebut ke atas aspek-aspek sosial dan pembangunan ekonomi di wilayah ASEAN.

.../2

6. Bincangkan pola perkembangan sektor perindustrian di negara-negara ASEAN. Adakah pola perkembangan tersebut menyakinkan kita bahawa ASEAN akan menjadi satu pusat perindustrian suatu masa nanti?

7. Bagaimanakah penubuhan wilayah ASEAN boleh meluaskan dan mengkuatkan pasaran dunia bagi kommoditi-kommoditi asas yang dihasilkan daripada negara-negara individu di wilayah ASEAN?

-oooOOOooo-